

16 JUL 2000

Gerakan-Polis/I

GERAKAN MINTA POLIS TINGKATKAN PENGAWASAN AKTIVITI KEMPEN BENCI K'JAAN

KUALA LUMPUR, 16 Julai (Bernama) -- Gerakan meminta polis meningkatkan pemantauan ke atas kumpulan yang menjalankan kempen membenci kerajaan dan yang pelampau yang mungkin boleh mencetuskan huru-hara di negara ini.

Presiden parti Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini berkata tindakan bersesuaian mesti diambil jika terbukti bahawa mereka terbabit dalam aktiviti seperti itu.

"Kita mesti mengambil tindakan ke atas kumpulan ini kerana kita tidak mahu bertolak ansur ke atas keamanan dan keselamatan rakyat," katanya yang secara jelas merujuk kepada kejadian rompakan senjata di dua kem tentera di Gerik, Perak, yang dilakukan oleh anggota ajaran sesat Al-Ma'unah yang berakhir dengan penyerahan diri anggota kumpulan berkenaan serta pembunuhan dua anggota pasukan keselamatan.

Lim berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan tahunan negeri Pergerakan Pemuda dan Wanita Gerakan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan bahawa kumpulan itu berhasrat untuk menggulingkan kerajaan secara kekerasan.

Sebelum itu dalam ucapannya Dr Lim berkata parti berkenaan memerlukan pemimpin yang berpengetahuan dan petah berkata-kata yang berkeupayaan menjelaskan perkembangan terkini dalam negara kepada orang ramai terutama penduduk di laur bandar.

"Para pemimpin Gerakan mesti menemui mereka dan menjelaskan mengenai bahayanya ancaman budaya membenci yang cuba ditanam oleh sesetengah kumpulan di negara ini," katanya.

Katanya selain berorientasikan perkhidmatan, para pemimpin dan anggota parti berkenaan mesti mampu menyaingi pembangkang dalam perbahasan bagi menangani pembohongan dan separuh benar yang disebar termasuk kes rompakan senjata itu.

-- BERNAMA

MAM LAT